



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Timbang dan Sukat (Pindaan) 1981
DR.12/1981

D. R. No.**Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia****RANG UNDANG-UNDANG***bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen dan dengan kuasa daripadanya seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1981.

Tajuk
ringkas.

2. Seksyen 2 Akta Timbang dan Sukat 1972, yang dalam Akta ini disebut "Akta Ibu", adalah dipinda dengan memotong takrif bagi perkataan-perkataan "Biro Antarabangsa Timbang dan Sukat" dalam seksyen kecil (1).

Pindaan
bagi
seksyen 2.
Akta 71.

3. Seksyen 6 Akta Ibu adalah dipinda—

Pindaan
bagi
seksyen 6.

(a) dengan menggantikan seksyen kecil (1) dengan yang berikut :

"(1) Bagi maksud mendapatkan nilai yunit-yunit sukatan bagi Sistem Yunit Antarabangsa, Menteri hendaklah, sebagaimana yang dikehendaki oleh keadaan, mendapatkan atau mengarahkan disedia dan disenggara apa-apa piawai jisim dan sukat negara bagi yunit-yunit sukatan bagi Sistem Yunit Antarabangsa sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama dan piawai-piawai jisim dan sukat negara ini

hendaklah ditentukan dan diperakui mengikut jalan dan cara yang ditetapkan oleh Menteri.”; dan

(b) dengan memotong perkataan “peroto” di mana jua ia terdapat dalam seksyen kecil (2).

Pindaan
bagi
seksyen 7.

4. Seksyen 7 Akta Ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen kecil (1) dengan yang berikut :

“(1) Menteri hendaklah sebagaimana yang dikehendaki oleh keadaan mendapatkan atau mengarahkan disedia dan disenggara Piawai-piawai Kedua bagi jisim dan sukat, terdiri daripada timbang dan sukat yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan Piawai-piawai Kedua bagi jisim dan sukat ini hendaklah ditentukan dan diperakui daripada Piawai-piawai Utama Malaysia mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri.”.

Pindaan
bagi
seksyen 8.

5. Seksyen 8 Akta Ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan seksyen kecil (1) dengan yang berikut :

“(1) Menteri hendaklah mendapatkan atau mengarahkan disedia dan disenggara salinan-salinan Piawai-piawai Kedua yang difikirkannya patut dan salinan-salinan Piawai-piawai Kedua bagi jisim dan sukat itu hendaklah ditentukan dan diperakui sebagai Piawai-piawai Ketiga bagi jisim dan sukat mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri.”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*” dengan perkataan-perkataan “yang ditetapkan oleh Menteri” dalam seksyen kecil (2).

Pindaan
bagi
seksyen 10.

6. Seksyen 10 Akta Ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan seksyen kecil (1) dengan yang berikut :

“(1) Menteri hendaklah, dari semasa ke semasa sebagaimana yang ia dapati mustahak, mengarahkan supaya nilai tiap-tiap satu Piawai-piawai Utama Malaysia ditentukan dan diperakui mengikut jalan dan cara yang diarahkan olehnya.”;

(b) dengan memotong seksyen kecil (2); dan

(c) dengan menomborkan semula seksyen-seksyen kecil (3), (4), (5) dan (6) masing-masing sebagai seksyen-seksyen kecil (2), (3), (4) dan (5).

7. Seksyen 12 Akta Ibu adalah dipinda—

Pindaan
bagi
seksyen 12.

(a) dengan memotong perkataan “atau” sebelum perkataan “padu” dan memasukkan selepas perkataan “padu” perkataan-perkataan “atau isipadu” dalam perenggan (b) seksyen kecil (1); dan

(b) dengan menggantikan perkataan “padu” dengan perkataan “isipadu” pada baris pertama dan menggantikan perkataan “Bahagian 3” dengan perkataan “Bahagian 4” dalam perenggan (b) seksyen kecil (2).

8. Seksyen 18 Akta Ibu adalah dipinda dengan menggantikan nota birai dengan yang berikut:

Pindaan
bagi
seksyen 18.

“Penalti ke atas membuat, menjual dan membaiki timbang palsu dan sebagainya.”

9. Akta Ibu adalah dipinda dengan memansuhkan seksyen 24.

Memansuhkan
seksyen 24.

10. Seksyen 26 Akta Ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen kecil (1) dengan yang berikut:

Pindaan
bagi
seksyen 26.

“(1) Menteri boleh melantik seorang Ketua Inspektor Timbang dan Sukat dan beberapa orang Timbalan Ketua Inspektor Timbang dan Sukat dan Inspektor Timbang dan Sukat sebagaimana yang perlu untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini.”

11. Seksyen 27 Akta Ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen kecil (1) dengan yang berikut—

Pindaan
bagi
seksyen 27.

“(1) Ketua Inspektor hendaklah menjadi pihak berkuasa yang mengeluarkan lesen-lesen untuk membuat, menjual atau membaiki timbang atau sukat atau alat-alat timbang atau sukat.”

12. Seksyen 29 Akta Ibu adalah dipinda—

Pindaan
bagi
seksyen 29.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “penentuan, penyenggaraan dan pengesahan” dalam perenggan (a) seksyen kecil (2) dengan perkataan-perkataan “penyenggaraan, perakuan, penentuan, perbandingan dan pengesahan”; dan

- (b) dengan menggantikan koma bagi perkataan “dan” dalam baris 1 dan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “cara menyimpan” dengan perkataan-perkataan “ dan menjaga” dalam perenggan (b) seksyen kecil (2).

Pindaan
bagi
Jadual
Pertama.

13. Jadual Pertama Akta Ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan dalam Bahagian I selepas sahaja baris lima, perkataan-perkataan “Amaun Bahan”, “mol” dan “mole” masing-masing di bawah tajuk “*Kuantiti*”, “*Simbol Yunit*” dan “*Nama Yunit*”; dan
- (b) dengan menggantikan Lampiran A dengan yang berikut:

LAMPIRAN A

(i) Takrif Yunit Asas

Meter (m); yunit jarak panjang. Jarak panjang meter ialah bersamaan dengan 1,650,763.73 jarak gelombang dalam keadaan hampagas bagi pancaran bersamaan dengan peralihan di antara tingkat-tingkat $2p_{10}$ dengan $5d_5$ krypton—86 atom.

Saat (s); yunit jarak masa. Lamanya tempoh saat ialah 9,192,631,770 tempoh pancaran yang bersamaan dengan peralihan di antara dua tingkat haluseni bagi kesiam dalam rupabentuk kisar—133 atom.

Kilogram (kg); yunit jisim. Kilogram adalah bersamaan dengan jisim kilogram prototip antarabangsa.

Ampere (A); yunit arus letrik. Ampere ialah arus tetap yang, jika disenggara dalam dua pengalir lurus yang selari dan panjangnya adalah tidak berhad, dan muka keratan bulatnya terlalu kecil untuk diambil kira, dan diletakkan sejarak 1 meter dalam hampagas, akan menghasilkan daya antara pengalir-pengalir itu bersamaan dengan 2×10^{-7} newton semeter panjangnya.

Kelvin (K); yunit suhu dayagerak haba. Kelvin ialah pecahan $\frac{1}{273.16}$ suhu dayagerak haba bagi takat tiga air.

Mole (mol); yunit amaun bahan. Mole ialah amaun bahan bagi sesuatu sistem yang mengandungi entiti permulaan sebanyak mana atom yang terdapat dalam 0.012 kilogram karbon 12. Bila mole digunakan, entiti permulaan mestilah ditentukan dan boleh menjadi atom, molikul, ion, elektron, lain-lain zarah, atau kumpulan zarah yang ditentukan.

Kandela (cd); yunit keamatan kilauan. Kandela ialah keamatan berkilau, mengikut arah tegak, bagi permukaan $1/600,000$ meter persegi suatu badan hitam dalam keadaan suhunya bersamaan platinum beku dikenakan tekanan $101,325$ newton semeter persegi.

(ii) Takrif Yunit Penggenap

Radian (rad); yunit sudut satah. Sudut antara dua jejari sesuatu bulatan yang memotong lilitan lengkungan yang sama panjang dengan panjang jejari itu.

Steradian (sr); yunit sudut bungkah. Sudut bungkah yang, mempunyai puncaknya dipusat bebola, memotong suatu luas permukaan bebola bersamaan dengan suatu segiempat sama yang panjang sempadannya adalah bersamaan dengan jejari bebola itu.”.

14. Jadual Kedua Akta Ibu adalah dipinda—

Pindaan
bagi
Jadual
Kedua.

(a) dengan menggantikan Bahagian 3 dengan yang berikut:

“

BAHAGIAN 3

SUKAT PADU

Mana-mana sukat, atau bagi mana-mana gandaan, $\frac{1}{4}$ meter padu.”;

(b) dengan memasukkan selepas sahaja Bahagian 3 dengan yang berikut:

“

BAHAGIAN 4

SUKAT ISIPADU

Sukat—

Mana-mana gandaan 10 liter

10 liter

5 liter

2.5 liter

2 liter

1 liter

500 milliliter

250 milliliter

200 milliliter

100 milliliter

50 milliliter

30 milliliter

25 milliliter

20 milliliter

10 milliliter

5 milliliter

2 milliliter

1 milliliter

"; dan

- (c) dengan menggantikan perkataan dan angka "BAHAGIAN 4" dengan perkataan dan angka "BAHAGIAN 5" dan menggantikan angka "0.2 gm" dengan angka "0.2 g" dalam catitan di Bahagian tersebut.

Pindaan
bagi
teks
Bahasa
Malaysia.

15. Teks Bahasa Malaysia kepada Akta Ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "meter" yang terdapat dalam takrif "Sistem Yunit Antarabangsa" dengan perkataan "metrik" dalam seksyen kecil (1) seksyen 2;
- (b) dengan menggantikan perkataan "meter" di mana jua ia terdapat dengan perkataan "metrik" dalam perenggan (b) Bahagian 4 Jadual Kedua;
- (c) dengan menggantikan perkataan "met" yang terdapat dalam perenggan (d) Bahagian I Jadual Ketiga dengan perkataan "metrik"; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan "Meter" dengan perkataan "metrik" dalam Catitan kepada Jadual Ketiga.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Timbang dan Sukat 1972.

2. *Fasal 2* Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen kecil (1) seksyen 2 Akta dengan memotong takrif bagi perkataan-perkataan "Biro Antarabangsa Timbang dan Sukat" yang berbangkit dari pindaan seksyen 6 Akta itu.

3. *Fasal 3* Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen 6 Akta.

Perenggan (a) fasal ini bertujuan meminda seksyen kecil (1) seksyen 6 Akta supaya membenarkan Piawai-piawai Utama Malaysia ditentukan dan diperakui mengikut jalan dan cara yang ditetapkan oleh Menteri. Seksyen kecil (1) yang sedia ada menghendaki Piawai-piawai Utama Malaysia ditentukan dan diperakui mengikut syarat piawai jisim dan sukat prototip antarabangsa

yang disenggara oleh Biro Antarabangsa Timbang dan Sukat di Perancis adalah didapati tidak praktik kerana Malaysia bukanlah negara yang menjadi ahli Biro Antarabangsa Timbang dan Sukat tersebut. Seksyen kecil (1) baru yang dicadangkan akan membolehkan Piawai-piawai Utama Malaysia ditentukan dan diperakui oleh negara yang menjadi ahli (dalam perkara ini negara di mana Piawai-piawai Utama Malaysia dibeli) Biro Antarabangsa Timbang dan Sukat. Oleh yang demikian, walaupun Piawai-piawai Utama Malaysia tidak dihantar ke Biro Antarabangsa Timbang dan Sukat di Sevres di negeri Perancis, penentuan dan perakuan yang didapati bagi Piawai-piawai Utama Malaysia masih boleh dikesan berpandukan piawai jisim dan sukat prototip antarabangsa.

Perenggan (b) fasal ini bertujuan memotong perkataan "peroto" yang pemakaiannya adalah tidak sesuai, yang terdapat dalam seksyen kecil (2) seksyen 6 memandangkan piawai-piawai negara kita adalah bukan salinan asal yang dikeluarkan oleh Biro Antarabangsa Timbang dan Sukat di negeri Perancis.

4. *Fasal 4* Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen kecil (1) seksyen 7 Akta untuk menjadikannya selaras dengan perenggan (a) seksyen kecil (2) seksyen 29. Seksyen kecil (1) seksyen 7 yang sedia ada adalah bercanggah dengan perenggan (a) seksyen kecil (2) seksyen 29 kerana sementara seksyen kecil (1) seksyen 7 menetapkan bahawa penentuan dan pengakuan bagi Piawai-piawai Kedua hendaklah mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*, perenggan (a) seksyen kecil (2) seksyen 29, sebaliknya menetapkan, antara lain supaya penentuan dan pengakuan itu dibuat melalui peraturan-peraturan.

Fasal ini juga bertujuan meminda seksyen kecil (1) seksyen 7 untuk membolehkan Menteri mendapat, atau mengarah disediakan dan disenggara timbang dan sukat yang dinyatakan dalam Jadual Kedua sebagai Piawai-piawai Kedua, jika keadaan memerlukan, kerana adalah tidak praktik untuk mendapatkan dan menyenggarakan semua timbang dan sukat yang dinyatakan di dalamnya.

5. *Fasal 5* Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen 8 Akta.

Perenggan (a) fasal ini bertujuan meminda seksyen kecil (1) seksyen 8 kerana sebab yang sama seperti fasal 4 Rang Undang-undang dan perenggan (b) fasal ini bertujuan meminda seksyen kecil (2) seksyen 8 supaya mengadakan peruntukan bahawa penjagaan ke atas Piawai-piawai Ketiga hendaklah disimpan oleh mana-mana orang dan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Menteri.

6. *Fasal 6* Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen 10 Akta yang berbangkit dari pindaan terhadap seksyen 6 Akta.

7. *Fasal 7* Rang Undang-undang bertujuan meminda perenggan (b) seksyen kecil (1) seksyen 12 dan perenggan (b) seksyen kecil (2) seksyen 12 yang berbangkit dari pindaan terhadap Jadual Kedua Akta.

8. *Fasal 8* Rang Undang-undang bertujuan membetulkan nota birai seksyen 18 Akta itu supaya dapat menggambarkan tujuan sebenarnya seksyen tersebut.

9. *Fasal 9* Rang Undang-undang bertujuan meminda Akta dengan memansuhkan seksyen 24 Akta. Seksyen 24, yang mengecualikan pembancuhan atau penentuan dadah daripada menggunakan unit metrik adalah tidak dipakai lagi kerana kebanyakan dadah, jika tidak kesemuanya, sekarang ini ditentukan dan dibancuh dengan unit metrik.

10. *Fasal 10* Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen kecil (1) seksyen 26 Akta untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik Ketua Inspektor Timbang dan Sukat, Timbalan Ketua Inspektor Timbang dan Sukat dan Inspektor Timbang dan Sukat. Tujuan utama seksyen kecil baru yang dicadangkan ini ialah untuk membolehkan Menteri melantik pegawai-pegawai yang sedia ada di Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi menjalankan kewajipan-kewajipan Ketua Inspektor Timbang dan Sukat, Timbalan Ketua Inspektor Timbang dan Sukat dan Inspektor Timbang dan Sukat. Ini akan dapat mengelakkan perlunya ditubuh suatu jabatan yang berasingan untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta itu.

11. *Fasal 11* Rang Undang-undang bertujuan meminda supaya seksyen kecil (1) seksyen 27 Akta dengan menyatakan jenis lesen yang akan dikeluarkan oleh Ketua Inspektor Timbang dan Sukat.

12. *Fasal 12* Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen 29 Akta supaya mengadakan peruntukan untuk menyelaraskan penggunaan perkataan-perkataan dalam berbagai-bagai seksyen kepada Akta itu.

13. *Fasal 13* Rang Undang-undang bertujuan meminda Jadual Pertama Akta.

Perenggan (a) fasal ini bertujuan meminda senarai unit asas dalam Bahagian 1 Jadual Pertama Akta, dengan memasukkan unit asas tambahan iaitu "mole" bagi kuantiti "amaun bahan". Perkataan "mole" telah mendapat pengiktirafan antarabangsa sejak Akta Timbang dan Sukat 1972 diluluskan dan kerana itu kemasukannya ke dalam senarai unit asas yang sedia ada adalah perlu supaya ianya selaras dengan amalan antarabangsa.

Perenggan (b) Fasal ini bertujuan memotong "Lampiran A" yang sedia ada dalam Jadual Pertama Akta dan menggantikan dengan "Lampiran A" baru di mana ejaan bagi istilah-istilah yang digunakan adalah dibetulkan supaya ianya selaras untuk kegunaan antarabangsa. "Lampiran A" sebagaimana yang telah diganti juga bertujuan mengadakan takrif bagi perkataan "mole" yang mana adalah suatu unit asas tambahan yang terdapat dalam Bahagian 1 kepada Jadual Pertama.

14. *Fasal 14* Rang Undang-undang bertujuan meminda Jadual Kedua Akta dengan menggantikan Bahagian 3, menambahkan Bahagian 4 yang baru dan menomborkan tajuk Bahagian 4 sebagai Bahagian 5. Bahagian 3 sebagaimana yang telah diganti memperuntukkan penggunaan sukat satu perempat meter padu atau gandaannya bagi sukat padu sebagai ganti penggunaan desimeter padu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Bahagian 3 yang sedia ada. Bahagian 4 yang baru memperuntukkan kandungan sukat isipadu yang berdasarkan "liter" yang telah diterima oleh antarabangsa sebagai sukat isipadu yang ditetapkan untuk kegunaan perdagangan. Bahagian baru 5 bertujuan menggantikan angka "0.2 gm" dengan angka "0.2 g" dalam catitan kepada Bahagian tersebut supaya selaras bagi kegunaan antarabangsa.

15. *Fasal 15* Rang Undang-undang bertujuan membetulkan kesilapan perkeranian dalam teks Bahasa Malaysia kepada Akta itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1109.]